

January 2015



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

th
ISSUE

69 info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



ISSN 2232-1574



9 772232 157005

FESTIVAL Tari IPT BORNEO ke-V 2014

Oleh: Ardiana Mazwa Raudah bt. Amir Abdullah

UiTM Sarawak dengan bangganya telah menjadi tuan rumah untuk Festival Tari IPT Borneo (Piala Pusingan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri) ke-V 2014 pada 12 hingga 14 Disember 2014 di Dewan Jubli UiTM Sarawak Kampus Samarahan 1.

Menurut Rektor UiTM Sarawak, Profesor Dato Dr Jamil Hamali festival ini terbuka kepada semua institut pengajian tinggi di kepulauan Borneo (Sabah, Sarawak, Indonesia dan Brunei).

Seramai tiga belas kontingen yang telah menyertai festival kali ini. Kontingen-kontingen dari Sarawak termasuklah tuan rumah sendiri, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak, Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) Sarawak, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), dan Universiti Putra Malaysia (UPM) Kampus Bintulu.

Manakala penyertaan dari Sabah termasuklah Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sabah, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan UMS Kampus Antarabangsa Labuan.

Selebihnya merupakan kontingen yang berasal dari Kalimantan, Indonesia yang terdiri dari Universitas Borneo Tarakan, Kalimantan Indonesia, Universitas Kalimantan Selatan (Universitas Lambung Mangkurat), Universitas Kalimantan Tengah (Universitas Palangkaraya), Universitas Kalimantan Timur (Universitas Mulawarman) dan Universitas Kalimantan Barat (Universitas Tanjungpura).

Selain itu, satu-satunya IPT dari Brunei yang menyertai festival kali ini ialah Universiti Brunei Darussalam.

Sebelum ini, festival dwitahunan itu pernah dianjurkan oleh UiTM Sarawak sebanyak dua kali bermula pada Julai 2006 dengan penyertaan 10 buah universiti dari Kalimantan dan Sarawak. Seterusnya, dianjurkan oleh UiTM Sabah dan Universitas Tanjung Pura, Kalimantan Barat.

Tambah beliau, ini merupakan acara untuk memperkenalkan beliau memartabatkan kebudayaan bangsa selain berusaha untuk

mengembangkan kebudayaan dan kesenian Borneo dengan melibatkan pengerak seni kebudayaan di universiti masing-masing.

Pihaknya menyediakan sejumlah RM13,000 hadiah tunai untuk diberikan kepada peserta selain trofi untuk dibawa pulang bersama.

"Cuma satu acara dipertandingkan iaitu kategori tarian kreatif dan diwajibkan peserta membuat persembahan tarian asli bagi acara selingan majlis memabitkan 236 orang dari 13 buah universiti," katanya.

Johan Festival Tari IPT Borneo pada kali ini telah diraih oleh Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan yang turut memenangi Kategori Busana Terbaik. Tempat kedua dimenangi oleh Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah yang turut memenangi kategori Koreografer Terbaik. UiTM Sarawak pula, muncul tempat ketiga untuk festival kali ini.

Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Kebajikan Wanita dan Pembangunan Keluarga semasa majlis penutupan pada 14 Disember 2014. Selain Piala Pusingan dan trofi, johan pertandingan membawa pulang wang berjumlah RM5000, kedua RM3000 dan ketiga RM2000. Manakala untuk kategori busana terbaik pemenang membawa pulang RM2000 dan bagi kategori Koreografer Terbaik, RM1000.

Secara keseluruhannya, pihak juri membuat keputusan dengan menitikberatkan lima aspek iaitu, koreografi, persembahan, kesesuaian muzik, penggunaan ruang serta busana, aksesori dan tatarias para peserta.

Pada majlis penutupan Festival Tari IPT Borneo 2014 itu juga, Yang Berbahagia Dato Prof. Dr Jamil Hamali telah mengumumkan tuan rumah untuk Festival Tari IPT Borneo 2016 yang akan datang adalah Universitas Kalimantan Timur (Universitas Mulawarman).



SUKAN MAHASISWA IPT BORNEO (SUKMAB)

Oleh: Eda Tua

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan Sukan Mahasiswa IPT Borneo 2014 pada 19 dan 22 Ogos 2014 bertempat di UMS, Sabah. Pertandingan ini terbuka kepada semua IPTA/IPTS di kepulauan Borneo. Pemilihan atlit bagi kontingen UiTM Sarawak adalah berdasarkan kemahiran dan pencapaian dalam bidang sukan masing-masing. Melalui kejohanan tersebut, kontingen UiTM Sarawak telah berjaya memperolehi 3 pingat emas dan 1 pingat gangsa, dan telah dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan SUKMAB 2014.



Majlis penyerahan bendera Sukan Mahasiswa IPT Borneo 2014 yang dilaksanakan oleh Yang Berbahagia Profesor Dato Dr. Jamil Haji Hamali, Rektor Kampus



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

**Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia**

**Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my**